

**PERANAN PERSATUAN PENULIS MEMBANGUNKAN
KESUSASTERAAN DI NEGERI PERAK
[THE DEVELOPMENT OF LITERATURE IN PERAK TROUGH THE ROLE
OF WRITERS ASSOCIATION]**

Ghazali Din

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak, Malaysia
ghazali@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan dan menganalisis secara historikal peranan persatuan-persatuan penulis yang pernah wujud di negeri Perak. Dalam mengembangkan kesusasteraan, penulis tidak hanya bergerak secara individu, tetapi secara kolektif bersatu di bawah persatuan yang dianggap efisien dalam melahirkan pengarang-pengarang kreatif. Kajian ini bukan sahaja meninjau peranan persatuan penulis melalui kepustakaan, malah pertemuan dengan bekas-bekas pemimpin dan pemimpin sedia ada selain menyemak keratan-keratan yang memuatkan maklumat persatuan sewaktu persatuan masih bergerak aktif dan tidak aktif lagi. Kajian ini juga menyelusuri sumbangan pemimpin-pemimpin persatuan penulis yang pernah berjasa kepada organisasi kesusasteraan di negeri Perak. Negeri Perak dilihat sebagai antara negeri yang mempunyai lebih dari satu persatuan penulis yang masing-masing menyumbang ke arah memartabatkan kesusasteraan tanah air. Namun, perubahan masa membuatkan ada persatuan tidak mampu bertahan walaupun terdapat persatuan yang mampu kekal lama.

Pertumbuhan persatuan penulis di negeri Perak pada tahun 1970-an dan 1980-an menyerlahkan kehebatan dan kebanyakannya aktif menggerakkan pelbagai aktiviti. Kajian mendapati kebanyakannya akhirnya tidak aktif dan dibubarkan disebabkan beberapa faktor antaranya ahli bertukar persatuan, penghijrahan serta kekurangan barisan kepimpinan pelapis untuk meneruskan kesinambungan kegiatan. Hasil kajian mendapati Perak perlu memperkasakan kembali gerakan kesusasteraan berlandas kegemilangan masa lalu untuk mencorakkan masa depan sastera di negeri itu.

Kata Kunci: Peranan, Persatuan, Penulis, Kesusasteraan.

ABSTRACT

This article discusses and analyses, from historical aspects, the roles of the associations of writers in the State of Perak. Writers are not only active individually, but also collectively in associations in producing creative writers. This research collected data through various methods; the researcher not only carry out library research on the associations' roles, but also met past administrators as well as present ones besides perusing newspaper articles to find out activities of active and dormant associations. This research also analysed contributions made by past administrators to writers' associations in the state of Perak. Perak is seen as one of the states that have more than one writer's associations that have contributed to the establishment of national literature. However, some associations had ceased to exist but some managed to stay active. The existence of writers' associations in the 70s and 80s in the state of Perak demonstrated their significant strength and most of them were very active in carrying out various activities. The research found out that most of these associations finally disappeared due to various factors such as members joining other writers' associations, writers migrating to other places and lack of new leaders to ensure the continuity of the associations. The findings of the research also show that the state of Perak has to revitalise the literary

associations to emulate their past achievements which can help design the future success of literature in the state.

Keywords: Roles, Associations, Writers, Literature

PENGENALAN

Perkembangan awal kesusasteraan moden tanah air ditandai oleh kelahiran pengarang-pengarang seperti Abdullah Munsyi diikuti Ahmad Rashid Talu yang terkenal dengan novel *Kawan Benar* dan *lakah Salmah?* dan Syed Sheikh Al-Hadi yang terkenal melalui *Hikayat Faridah Hanum* sekitar awal tahun 1920-an. Kesusasteraan terus berkembang melalui pengarang kreatif yang menghasilkan karya melalui genre puisi, nove, cerpen dan drama.

Perkembangan ini bukan sahaja perlu dilihat daripada karya pengarang secara individu, tetapi dianggap penting meninjau peranan gerakan kesusasteraan yang menyumbang kepada kebangkitan semangat individu pengarang itu sendiri dalam menguasai genre seperti novel, cerpen, puisi dan drama, tetapi perlu dilihat gerakan secara kolektif melalui persatuan penulis yang dinaungi pengarang itu sendiri.

Negeri Perak, secara geografinya terletak di utara Malaysia Barat dengan keluasan kira-kira 21,005 kilometer persegi (6.4% daripada keluasan Malaysia). Negeri Perak mempunyai Sembilan daerah iaitu Kinta, Manjung, Hilir Perak, Kerian, Batang Padang, Kuala Kangsar, Perak Tengah, Hulu Perak serta daerah Larut, Matang dan Selama. Kesan daripada keluasan dan daerah yang banyak itu, memberi kesedaran kepada pengarang di negeri Perak untuk menubuhkan persatuan-persatuan penulis bagi menggerakkan kegiatan.

Hal yang demikian menyebabkan negeri Perak menjadi negeri yang mempunyai lebih dari satu persatuan penulis. Kewujudan banyak persatuan penulis dapat memberi impak kepada kegiatankegiatan kesusasteraan serta mencorakkan persaingan dalam kalangan penggiat sastera. Antara persatuan-persatuan penulis yang dikesan wujud di negeri Perak ialah Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Daerah Kerian (PERENTAS); Lembaga

Pembangun Sastera Perak (LEPAS), Gabungan Sasterawan Sedar (GATRA II); Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Daerah Kinta (PESAKA); Persatuan Penulis Daerah Manjung (PEDOMAN); Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Daerah Perak Tengah (PESEDAR); Angkatan Sasterawan Hulu Perak (ASPEK); Persatuan Peminat Sastera dan Budaya Bandara Ipoh (PINTAR); Ikatan Persatuan Penulis Perak (IPPP); Persatuan Penulis dan Sastera Batang Padang (PEDANG); Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Perak (PENTAS); Persatuan Karyawan Perak (Karyawan Pk) serta Persatuan Penulis Budiman (BUDIMAN) yang bergiat aktif di Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSI), Tanjung Malim, Perak sejak tahun 2010.

Makalah Hassan Baseri Budiman dan Osman Ayob (1999) menyentuh penubuhan beberapa persatuan di Perak seperti Lembaga Pembangunan Sastera Perak (LEPAS) pada tahun 1952 dan diikuti Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Krian (PERENTAS) yang ditubuhkan pada tahun 1972. Penulis-penulis yang dilahirkan melalui persatuan penulis berkenaan, memberi impak kepada pertumbuhan kesusasteraan di negeri Perak hingga terdapat di antara mereka memberi sumbangan yang besar pula kepada perkembangan kesusasteraan nasional dan serantau. Kini, sebahagian besarnya sudah tidak lagi menghasilkan karya malah kebanyakan persatuan penulis yang suatu ketika dahulu aktif menjana kegiatan dan membina barisan pelapis, tidak lagi muncul malah sudah berakhir hayatnya. Perak mengalami zaman kemerosotan jumlah persatuan penulis dan memerlukan usaha mengembalikan zaman kegemilangan.

Peranan Persatuan Penulis Di Negeri Perak

Dalam membicarakan perkembangan Kesusasteraan Melayu di negeri Perak, ia bermula sekitar tahun 1920-an. Penubuhan Sultan Idris Training College (SITC) di Tanjung Malim dan kewujudan Pejabat Karang-mengarang di tapak insituti pendidikan itu, penulis kreatif (guru-guru pelatih) dianggap golongan yang menginsafi dan memiliki kesedaran membakar semangat

patriotisme dan nasionalisme di tanah air melalui mata pena. Mereka menggunakan medium majalah dan akhbar di sebalik pelbagai nama pena bagi mengelakkan diri dikesan oleh kolonial. Selain di SITC, misalnya, di Taiping telah diterbitkan akhbar mingguan Seri Perak bermula tahun 1893 dan tidak diketahui bila berakhirnya (Li Chuan Siu,1980:15).

Perkembangan seterusnya, maka lahirlah beberapa persatuan penulis sekitar negeri Perak bagi melahirkan lebih ramai pengarang kreatif. Oleh hal yang demikian, maka pengkaji meneliti latar belakang dan peranan yang dimainkan oleh persatuan penulis di negeri Perak yang suatu ketika dahulu mengangkat negeri Perak mencipta kehebatan dalam gelanggang kesusasteraan.

Sehingga kini, tiada sebarang dokumentasi atau kajian yang mengenalpasti persatuan-persatuan penulis yang pernah wujud di negeri Perak secara keseluruhan. Kajian ini lebih kepada persoalan perjalanan dan pelaksanaan kegiatan persatuan penulis serta perkembangan persatuan sejak ditubuhkan sehingga mutakhir. Permasalahan semakin luntur gerakan atau aktiviti persatuan penulis di negeri Perak juga pernah disuarakan oleh penulis kelahiran Perak, Pena Mutiara yang inginkan perstuan-persatuan kembali aktif seperti sekitar tahun 1970-an.

OBJEKTIF

Perbincangan ini berhasrat meninjau peranan yang dimainkan persatuan-persatuan penulis yang pernah wujud hingga yang masih aktif di negeri Perak. Secara khususnya kajian ini dapat mengesan dan mengenalpasti persatuan-persatuan penulis yang pernah wujud di negeri Perak. Ia akan membuktikan bahawa sumbangan persatuan penulis di negeri Perak menyumbang kepada wajah kesusasteraan hari ini. Masyarakat, pengkaji dan pencinta sastera harus memandang tinggi sumbangan dan peranan persatuan-persatuan penulis di Perak.

Dalam tempoh masa setahun, pengkaji berjaya menemui lebih 10 persatuan penulis yang pernah wujud di negeri Perak¹. Ini

membuktikan, bahawa terdapat era mencerminkan kesungguhan pengarang-pengarang dan aktivis kesusasteraan Perak bergerak di bawah persatuan yang berperanan memajukan gerakan kesusasteraan di negeri Perak.

Persatuan-persatuan Penulis Yang pernah Wujud Di Negeri Perak

Kajian ini memfokuskan kepada persatuan-persatuan penulis yang berdaftar sama ada tidak lagi aktif atau masih aktif hingga masa kini. Peranan dan sumbangan persatuan penulis adalah penting dalam menggerakkan perkembangan kesusasteraan di negeri Perak. Ia adalah satu sejarah yang tidak boleh dikesampingkan daripada dikaji dan diteliti oleh pengkaji. Kebanyakan penulis di negara ini lahir melalui persatuan penulis hasil bimbingan pengarang-pengarang kreatif yang berpengalaman dan mencipta nama. Antara persatuan-persatuan penulis yang berjaya dikesan dan pernah muncul di negeri Perak termasuklah Lembaga Pembangun Sastera Perak (LEPAS), Persatuan Penulisan dan Peminat Sastera Daerah Kerian(PERENTAS), Ikatan Persatuan Penulis Perak (IPPP), Persatuan Penulis Daerah Batang Pedang (PEDANG), Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Daerah Kinta (PESAKA), Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Perak (PENTAS), Persatuan Penulis dan Kesenian Daerah Parit(PESEDAR), Persatuan Penulis Daerah Manjung (PEDOMAN), Persatuan Karyawan Perak (Karyawan Pk), Persatuan Peminat Sastera dan Budaya Bandaraya Ipoh (PINTAR), Persatuan Penulis Budiman Malaysia(BUDIMAN). Bagaimanapun, pengkaji tidak memperolehi maklumat tentang beberapa persatuan lain yang pernah wujud di negeri Perak iaitu Angkatan Penulis Pengkalan Hulu (ASPEK), Gabungan Sasterawan Sedar II (Gatra II), PESEGAR dan PERTAMA.

Penulis Yang Lahir Melalui Persatuan Penulis di negeri Perak

Negeri Perak adalah antara negeri yang mempunyai lebih dari satu persatuan penulis. Dengan tertubuhnya persatuan-persatuan penulis itu, ia memberi peluang kepada usaha untuk melahirkan

penulis sama ada kreatif atau non-kreatif. Persatuan penulis di negeri Perak mula tumbuh sekitar tahun 1950-an, 1960-an, 1970-an serta 1980-an yang aktif pada ketika itu. Kesan dari aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh persatuan-persatuan penulis, Perak berjaya melahirkan beberapa orang penulis berbakat besar seperti Baharuddin Kahar, Jaafar Abdul Rahim, Zahari Hasib, Raja Sabaruddin Abdullah, Rizi S.S. (Prof Dr. Bukhari Lubis), Abdullah Sani Yahya (Lahsani), Pena Mutiara, Mokhtar Mimi, Najmi, Zakaria Salleh, S. Hamisal, Baharin Ramly, Jaffri B. N., M. Salleh Mahyat, Mishar, Azdi, Azimad Mahmud, Zabidin Hj Ismail (Ketua Satu Karyawan Pk), Aiel Khadijah, Malim Ghozali Pk, Ramli Daud (peneroka di FELDA Besout), Ahmad Mahmud (Tamar Jalisi), Kasajiza A. S (bekas juruhebah RTM –nama sebenarnya Zainal Abbas) dan Mohd Hadri Talib. Sepanjang dekad 1980-an dan awal tahun 1990-an beberapa orang lagi penulis muncul di Perak. Antara mereka yang berbakat dan berjaya mengukir nama sebagai penulis kreatif termasuklah Sabariah Bahari, Onn Abdullah, Raja Yusoff Arifin, Ijamala M. N., Al-Hisham, Norza, M. Shah, Nordin Haji Abdullah, J. Jamal, Chai Loon Guan (guru Seolah Menengah Methodist, Tanjung Malim), Sabariah Bahari, Jamaluddin Ahmad, A. Wahab Hamzah, dan Amirul Fakir (Allahyarham), Aminah Abdul Malik, Malina M, Yusaini Teriman, Che Su Deraman, Arif Mohamad, Rahmaniah Hj Kantan, Noriah Mohd. Sharif, Hanifah Hj Ibrahim, Ruziah Jaafar, Ramli Daud, Mahyuddin Ibas, dan Tarmizi Selamat dan ramai lagi. Perkembangan dunia penulisan di Perak kini menghadapi zaman gerhana berbanding dahulu. Keadaan ini mewajarkan usaha untuk memeriahkan semula gerakan bersastera seperti yang berlaku dalam dekad 60-an, 70-an dan 80-an. Penulis-penulis yang sudah malap dalam penghasilan karya atau sumbangan tenaga menggerakkan aktiviti perlu dirangsang untuk aktif menulis semula.

Persatuan-persatuan Penulis Yang Wujud Di Perak

Lembaga Pembangun Sastera Perak (LEPAS), antara persatuan penulis yang awal ditubuhkan di negeri Perak ialah Lembaga

Pembangun Sastera Perak (LEPAS). LEPAS ditubuhkan pada 23 Mac 1951 di Central Malay School, Kuala Kangsar Kuala Kangsar, Perak, ia bermula dengan seramai 33 ahli yang terdiri daripada kalangan penulis, guruguru, peniaga serta kalangan wanita dari seluruh negeri Perak. LEPAS ditubuhkan berlandaskan permuafakatan dalam kalangan pemikir pendidikan Melayu dan agama atas inisitif Cikgu Omar Nordin dan beberapa orang rakan.

Ketika ditubuhkan secara rasmi sebagai jawatankuasa penaja, Khalid Adam dilantik sebagai Ketua; Timbalan Ketua, Sariah Rashid; Setiausaha, Mohd Asri Haji Muda; Penolong Setiausaha, Omar Nordin; Bendahari, Cikgu Ghazali Duyup dan Jawatankuasa terdiri daripada Haji Abdul Samad Noh, Cikgu Habsah Rajis, Cikgu Raja Azizah Raja Lop, Abdullah Musa Lubis (Allahyarham) serta jawatan Pemeriksa Kira-kira iaitu Cikgu Hashim Nor dan Che Nordin. Mesyuarat agung LEPAS yang pertama berlangsung pada 3 Ogos 1951 di Central Malay School Kuala Kangsar yang dipengerusikan oleh Raja Kamarulbahrin, seorang Nazir Sekolah-Sekolah Melayu dan Khalid Adam kekal mengetuai LEPAS dan sebulat suara bersetuju memilih DYMM Raja Perempuan, Raja Taayah sebagai penaung persatuan. LEPAS memperjuangkan usaha memperluaskan bahasa dan kesusasteraan Melayu demi kemajuan bangsa dan agama.

LEPAS menjadi kerabat Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) apabila Datuk Haji Khairuddin Hj Arshad dilantik sebagai Ketua Satu. Antara ahli LEPAS yang aktif memperjuangkan kemerdekaan bersama pertubuhan politik iaitu Angkatan Pemuda Insaf (API) dan ada ahli yang menyertai Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM – parti politik yang terawal ditubuhkan di Tanah Melayu) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) termasuklah Ahmad Boestamam atau nama penanya Ruhi Hayat serta Zulkifli Mohamad.

Saharodzi Ramli (2011) menganggap LEPAS penting dalam menyemarakkan semangat perjuangan nasionalisme orang Melayu sama ada mereka berfahaman kiri atau kanan. LEPAS pernah menghantar wakilnya ke Kongres Persuratan Melayu SeMalaya di Sea View Hotel Singapura pada 12 dan 19 April 1952 iaitu Khalid

Abbas, Mohd Asri Muda dan Haji Fadhil Khalid dan Mohd Daud Yatimy sebagai pemerhati. Pada kongres itu LEPAS mencadangkan slogan iaitu “Bahasa Jiwa Bangsa” dan slogan itu diterima. Apabila Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada tahun 1956, DBP menggunakan slogan cadangan LEPAS itu. Pada tahun 2000, ketika Azidin Mahmud menjadi Ketua Satu LEPAS, Datuk Khairuddin dilantik sebagai Ketua Dua seterusnya menjadi pemangku ketua satu dan kemudiannya diangkat menjadi ketua satu di dalam mesyuarat agung LEPAS sehingga sekarang (2013). LEPAS yang bergerak di Padang Rengas, Kuala Kangsar pernah megendalikan Hari Sastera 1980 yang diadakan di sekitar Ipoh, Taiping dan Pulau Pangkor serta menentang sekeras-kerasnya penubuhan PPSMI pada tahun 2009 yang menganggap ia merugikan bangsa Melayu.

LEPAS sebuah pertubuhan penulis yang berpendirian tegas untuk mempertahankan bahasa, kebudayaan dan kesusasteraan Melayu. Ketika perjuangan itu wujud di kalangan ahli-ahli LEPAS, GAPENA masih belum ditubuhkan. GAPENA ditubuhkan pada 23 Oktober 1970. LEPAS mempunyai kira-kira 200 ahli seumur hidup. Seminar “Kuala Kangsar Meniti Zaman” diadakan LEPAS setiap tahun sebagai pembicaraan sejarah dan apresiasi terhadap Bandar Diraja di Perak itu dan aktif meneruskan agendanya memartabatkan kesusasteraan di negeri Perak. LEPAS hanya sesekali bergerak aktif menjayakan aktiviti dan kurang menggerakkan aktiviti membangunkan penulis pelapis. Namun, peranan LEPAS dalam memulakan kebangkitan kesusasteraan di Perak adalah sejarah panjang yang tidak boleh dikesampingkan. Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Daerah Kerian (PERENTAS), bergerak aktif di daerah Kerian dan ditubuhkan secara tidak rasmi pada bulan Mac tahun 1972 di Tanjung Piandang atas inisiatif Datuk Penghulu Muda Mukim Bagan Tiang dan Tanjung Piandang iaitu Ahmad Zakhi Haji Ahmad. Ahmad Zakhi dilantik kemudiannya dilantik sebagai Ketua Satu ketika Mesyuarat Agung pertama PERENTAS yang diadakan pada 11 Jun 1972. PERENTAS ditubuhkan atas hasrat menyatupadukan penulis dan peminat sastera di sekitar Daerah Krian. Ketika ditubuhkan, PERENTAS digerakkan oleh

penulis seperti Abdul Ghani Othman, Yusuf Sukiman, Jefri BN, Pena Mutiara (Ahmad Sabky Hj Tahir), Azimad Mahmud, Muhamad Jusuh dan beberapa penulis lagi. Antara mereka yang pernah menjadi Ketua satu PERENTAS ialah Ahmad Zakhi Haji Ahmad, Ustaz Abdul Ghani Othman, Yusuf Sukiman dan Abdullah Sani Yahya mulai tahun 1982 sehingga sekarang. Pada peringkat awal penubuhannya, PERENTAS berjaya melahirkan penulis seperti Bahyah A.R, Mona Mad, Rashidah Hassan, Khidzam Ismail, Baharin Ramly, Zairin Riza, Baharuddin Kahar, Sabar Bohari, Azimad Mahmud serta Ahmad Wahi.

Selepas kira 10 tahun PERENTAS berjaya melahirkan penulispenulis baharu antaranya Zulkifli Putih, Amin Khan, Mora MK, M. Shariff, Mona Mad, Mat Isa Hamid, Jamaludin Nun, Ahmad Wahi, Arman Yunus, Abd Aziz Hj Man, Hashim Ahmad Kadri, Hashim Haji Jamhari, Azira AS (Aziz Yusuf), Hamid Muhamad (Abadi HM), Rasidah Hasan, Ahmad Tazini Mohd Musa, Khidzam Ismail, Jeffri BN, dan ramai lagi. Namun, PERENTAS mengukir nama di persada sastera kerana disertai beberapa penulis yang gigih berkarya ketika itu seperti Baharuddin Kahar, Baharin Ramly, Mohd Idris Adam serta Ahmad Sabky Hj Tahir (Pena Mutiara). Ikatan Persatuan Penulis Perak (IPPP), diwujudkan bermatlamat menggabungkan persatuan-persatuan penulis yang ada di negeri Perak supaya lebih mantap di bawah satu bumbung. Namun, terdapat persatuan yang menentang kerana masing-masing mempunyai landasan pemikiran tersendiri. IPPP ditubuhkan pada 6 Mac 1977 dan diketuai oleh Ketua Satu, Zainal Noor. IPPP dianggotai Lembaga Pembangun Sastera Perak (LEPAS), Persatuan Penulkis dan Peminat Sastera, Teluk Intan(PENTAS), Persatuan Penulis dan Peminat sastera, Kerian (PERENTAS), Persatuan Penulis dan Peminat sastera Daerah Kinta (PESAKA), Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Daerah Perak Tengah (PESEDAR), Gabungan Sasterawan Ipoh (Gatra 11), Angkatan Sasterawan Hulu Perak (ASPEK) dan Persatuan .

Penulis dan Sastera Batang Padang (PEDANG). Untuk tujuan itu, IPPP mengadakan Khemah Penulis Perak pada 18 hingga 20 Disember 1977 di Sekolah Menengah Anderson, Ipoh yang disertai

60 orang penulis dari semua persatuan yang bernaung di bawah IPPP. IPPP pernah diketuai Ketua Satu PERENTAS, Abdullah Sani (Lahsani).

Persatuan Penulis dan Sastera Batang Padang (PEDANG). Di selatan Perak, ditubuhkan Persatuan Penulis Batang Padang (PEDANG) secara tidak rasmi pada tahun 1972 yang beroperasi di kawasan Tapah hingga ke Tanjung Malim. Ketika ditubuhkan, PEDANG diterajui Abu Samah Majid, seorang penulis bebas sebagai jawatankuasa penaja dan Pak Cik Aris bin Pongguk (Pak Aris) yang dilantik sebagai pegawai penerangan. Di Tanjung Malim, PEDANG digerakkan oleh pensyarah MPSI. Antaranya, Haji Harun Bakar (1973). Mereka bergerak tanpa pendaftaran dan pada 1973 Ketua Satu LEPAS, Alias Hasan mengisi borang pendaftaran sehingga lulus pada tahun 1973. Pengerusi penaja ialah Sulaiman Zainal Abidin dan Ketua Satu PEDANG yang terakhir ialah Radhuan Abdul Kadir. PEDANG berjaya melahirkan penulis, antaranya Arma, Ali NS, Jaafar Selamat, Shafie SM, Ramli Manaf, Manaf Malik, Cikgu Zainal Abidin Daud dan lain-lain. Penulis yang lahir di daerah Batang Padang termasuklah Ahmad Boestamam, Hamdan Yahya, Asiah Sarji, Hanapiah Sudin, Aziz Abdul Ghani dan Badariah Hj Salleh. Biedyn Wan F.H (Zabidin Hj Ismail) yang menyertai PEDANG pada tahun 1976 berjaya digilap bakatnya menjadi penulis selain penulis bukan Melayu, Chai Loon Guan. PEDANG di bawah kepimpinan Radhuan Abdul Kadir berjaya menerbitkan *Riwayat Tanjung Malim* yang dicetak oleh syarikat Buyong Newspress, Teluk Intan sempena sambutan 10 tahun PEDANG. Barisan penulis muda yang dilahirkan PEDANG termasuklah Mohd. Ali Said, Shafei SM serta Biedyn Wan F.H., Mazlan Awang, Jaafar Selamat, Muhammad Nasri M, Muhammad Nasir Idris, Muhammad Fauzi Hazali, Arma (Abdul Manap Malik), Ali NS, Jaafar Selamat, Shafie SM, Ramli Manaf dan beberapa lagi adalah diantar mereka yang berjaya mengembangkan kegiatan penulisan di daerah ini. Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Daerah Kinta (PESAKA), Kesusasteraan negeri Perak juga disumbangkan Persatuan .

Penulis dan Sastera Kinta (PESAKA) pimpinan Ketua Satu, Zainudin Abdul Majid yang aktif di sekitar Batu Gajah, Perak yang ketandusan aktiviti seni. PESAKA ditubuhkan pada tahun 1974 mendapat galakan daripada Pergerakan Pemuda UMNO di bawah Biro Seni /Budaya yang diketuai Encik Ibrahim Ahmad. PESAKA menyertai IPPP untuk bergabung bersama persatuan-persatuan lain. Tahun 1979, Haji Harun Bakar bekas Ketua Satu PESAKA dilantik sebagai pemangku Ketua Satu Ikatan Persatuan Penulis Perak (IPPP).

PESAKA melantik kodinator bagi tiga daerah di Perak iaitu Haji Zabidi Salleh (Kinta), Mohd Nasri Bostami (Hulu Perak) dan Sulaiman bin Yusof (Manjung). PESAKA berjaya mengadakan Malam Puisi 'Suara Penanti' PESAKA di kediaman rasmi Menteri Besar Perak di Ipoh. Sempena majlis itu sebuah antologi puisi yang memuatkan karya 25 orang penyair Perak dilancarkan oleh Menteri Besar Perak ketika itu Tan Sri Ramli Ngah Talib. Pemimpin PESAKA Zainuddin Abdul Majid kini menetap di Kinta Valley, Batu Gajah dan Zainal Abidin Nor menetap di Ipoh. Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Teluk Anson (PENTAS), antara persatuan penulis yang penting di negeri Perak. Persatuan yang bergerak di sekitar Teluk Anson (Teluk Intan) ini ditubuhkan bagi menyemarakkan aktiviti bersastera di negeri Perak. Kini, PENTAS tidak lagi aktif, namun sumbangannya begitu besar dalam mencorakkan wajah sastera Perak yang sukar dilupakan dalam lipatan sejarah perkembangan kesusasteraan di negeri Perak. Ketika PENTAS ditubuhkan pada tahun 1971 di Sekolah Kebangsaan Lelaki Teluk Anson dan Othman Rasul dilantik sebagai Ketua Satu dan setiausaha ialah Mohamad Sayuti Ilham (Allahyarham). Antara pengasas PENTAS yang lain adalah Salim Hayat, pekerja Jabatan Kerja Raya (JKR); pemberita akhbar, Husin Jasman, Abu Bakar Sidek (pemberita akhbar Utusan Melayu) . Tahun 1978, Othman Rasul menyambung pelajaran di Universiti Sains Malaysia (USM) seterusnya di Universiti Malaya.

Apabila Othman Bakar (Allahyarham) menerajui kepimpinan PENTAS, maka unsur-unsur politik mula meresap dalam PENTAS. Penulis yang dilahirkan PENTAS antaranya Salim Hayat ,

Rosmiati Shaari serta pemberita iaitu Mustafa Ngah Mansor. Othman Rasul yang menetap di Rawang pernah menghasilkan buku seperti Pejuang Negara yang mempunyai tujuh siri selain drama televisyen, drama radio, cerpen dan novel untuk bacaan golongan remaja.

Gabungan Sasterawan Sedar (GATRA DUA), ditubuhkan pada tahun 1974 oleh beberapa penulis Perak iaitu Suhaimi Hj Muhammad, Baharuddin Kahar, Ahmad Mahmud dan Abdul Latif Bidin. GATRA DUA dipengeryusikan oleh Suhaimi Hj Muhammad selama tiga tahun iaitu dari 1974 hingga 1977. Ketika Suhaimi masih memimpin GATRA DUA pada tahun 1975, beliau meninggalkan kerjaya perguruan untuk berkhidmat sebagai Pembantu Pegawai Penyelidik di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur.

Semasa berkhidmat di DBP, Suhaimi diberi tanggungjawab sebagai anggota redaksi majalah Dewan Sastera dan Dewan Bahasa bersama-sama Kris Mas, Usman Awang, Baha Zain, Anwar Ridzuan dan Sutung Umar RS. Suhaimi adalah penyair penting Perak yang masih aktif menulis sehingga kini. Persatuan Penulis Daerah Manjong (PEDOMAN), ditubuhkan di Sitiawan, Perak pada penghujung tahun 1983. Sebelum PEDOMAN ditubuhkan, beberapa orang penulis yang bergiat aktif dalam penulisan puisi menubuhkan Grupemuisi Sitiawan. Antaranya Zabidin Hj Ismail (kini Presiden Karyawan Pk), Mohd Mokhtar Mohamad atau nama penanya Mokhtar Mimi (Allahyarham), Yusof Saadon, Bahar Suhardi, Ross M.Y serta Razali Mohd Yassin. Grupemuisi Sitiawan bergerak aktif dengan mengadakan aktiviti-aktiviti penulisan dan pembacaan puisi serta pembedahan karya. Kumpulan ini dibubarkan pada 1986 dan ahli-ahlinya bergabung tenaga untuk menubuhkan PEDOMAN peringkat jawatankuasa penaja yang diketuai wartawan dan Ketua Biro Utusan Malaysia Manjung, Mustapha Mat Ani (Allahyarham) dan Zabidin sebagai Setiausaha Penaja. Nama PEDOMAN tercetus di pejabat Penerangan Daerah Manjung, tempat Zabidin bertugas dan perlembagaan dibuat secara stensilan.

Kemudiannya diadakan mesyuarat ahli jawatankuasa dan dengan rasminya Mokhtar Mimi dilantik sebagai Ketua Satu dan Zabidin dilantik sebagai setiausaha. Sebaik sahaja ditubuhkan PEDOMAN mempunyai keahlian seramai 120 orang . Sebaik sahaja ditubuhkan, PEDOMAN mengadakan Malam Puisi Bruas pada Disember 1986 di Sekolah Kebangsaan Gangga Negara. Malam puisi itu dirasmikan oleh Dato; Zainal Abidin Zaini dan dilancarkan antologi puisi (stensilan) berjudul Bruas Dalam Puisi dengan kerjasama Bacaria(Karangkraf). Malam itu hadir memeriahkan majlis ialah Abdullah Tahir (Universiti Malaya), Sri Diah (kini di Karangkraf), Kamal Amir (Datuk), Dr Othman Yatim, Onie Moraza (Allahyarham) serta Ujid Darmawan. PEDOMAN ketika itu dianggap persatuan penulis yang berjaya kerana berkeupayaan melaksanakan beberapa program menarik seperti Anugerah Penyair Perak Darul Ridzuan pada tahun 1995 dengan hadiah RM500.00 oleh Kerajaan Negeri Perak. PEDOMAN juga mengadakan Sayembara Penulisan Puisi dan Cerpen, menerbitkan majalah Suara PEDOMAN. Apabila Zabidin berpindah ke Teluk Intan, Zabidin menyertai pula Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Perak (PENTAS).

Mokhtar Mimi ketiadaan rakan untuk terus mempertahankan PEDOMAN. Jangka hayat PEDOMAN berakhir apabila tiada lagi penggerak untuk meneruskan kegiatannya. Persatuan Karyawan Perak (Karyawan Pk), masih aktif malah antara persatuan penulis yang teraktif di negara ini pada masa kini. Persatuan yang bergerak secara bersendirian ini ditubuh dan dipimpin oleh Zabidin Hj Ismail. Sebelum menubuhkan Karyawan Pk , Zabidin dipecat daripada PENTAS kerana dikatakan bersama beberapa penulis termasuk Mokhtar Hj. Mansor bercadang menubuhkan sebuah persatuan penulis berimejkan Islam. Pengalaman luasnya dalam beberapa persatuan penulis menjadi aset pada dirinya untuk membina dan mengukuhkan Karyawan Pk. Zabidin berazam dan membina hala tuju menggerakkan Karyawan Pk sebaik mungkin dan konsistensi dalam menggerakkan kegiatannya. Ini memberi sinar baharu kepada perkembangan kesusasteraan di negeri Perak dan mencerminkan kebangkitan

baharu dalam gerakan kesusasteraan walaupun berhadapan dengan kehidupan dilingkari ledakan teknologi maklumat dan globalisasi.

Karyawan Pk ditubuhkan pada 15 Februari 1992 di Teluk Intan, Perak. Namun rentetan kelahiran Karyawan Pk bermula di pejabat Utusan Melayu, Jalan Sungai Nibong, Teluk Intan dengan nama asalnya Persatuan Penulis Islam Perak (3PI) yang diasaskan pada 13 Mei 1991. Persatuan ini (3PI) didaftarkan pada 30 September 1991 beralamat di JKR 613 Jalan Sultan Abdullah, Teluk Intan. Setelah melebihi setahun 3PI menanti kelulusan Jabatan Pendaftar Pertubuhan tanpa sebarang jawapan, pada 8 Mac 1992, 3PI mengambil keputusan bertemu Pendaftar Pertubuhan Perak, Teluk Intan. Satu perbincangan dan dipersetujui untuk menyambung semula permohonan 3PI tetapi dengan menggunakan nama Karyawan Pk. Setahun kemudian ia diluluskan Pendaftar Pertubuhan Malaysia bertarikh 15 Februari 1993 (No. Pendaftaran: 3552/93 Perak). Karyawan Pk diasaskan oleh beberapa orang penulis dan membentuk Ahli Jawatankuasa Penaja yang diketuai Mokhtar Haji Mansor (Majistret Kanan Teluk Intan). Apabila Mokhtar bertukar Kedah untuk menjawat jawatan Timbalan Pendakwa Raya Negeri, tugas Ketua I (penaja) dipangku oleh Abu Bakar Al Sidek Hashim sehingga mensyuarat agung pertama pada 17 April 1994. Abu Bakar dengan rasmi dilantik sebagai Ketua Satu dan kemudiannya dipimpin oleh Hj Kamarudin Mohamed antara tahun 2000-2002.

Pada tahun 2006, Zabidin dilantik sebagai Presiden (sebelumnya Ketua Satu) lalu menubuhkan 12 sudut selain biro-biro mnengikut genre sastera sebagai usaha memantapkan Karyawan Pk. Zabidin dianggap pemimpin paling berjaya dalam memperkasakan Karyawan Pk kerana membawa Karyawan Pk ke dalam arus media sosial dalam berinteraksi bersama pencinta sastera dan penyebaran maklumat kegiatan melalui blog-blog yang dibangunkannya. Sempena majlis Anugerah Sasterawan Perak 2003, Zabidin menerima anugerah kategori esei dan kritikan pada tahun 2004. Zabidin aktif sebagai seorang penulis, penceramah penulisan, pembentang kertas kerja, penyelidik sastera/sejarah

tempat serta penggerak persuratan Melayu Perak di samping pengkaji masyarakat Melayu Rao.

Penghargaan itu diberi sebagai pengiktirafan atas jasanya berkarya lebih 30 tahun lalu dalam pelbagai genre termasuk puisi, cerpen, esei, memoir, biografi dan akademik dengan menggunakan nama pena Biedyn Wan FH., S.I. Wanza, Zabinis BM., Zais Wahid, Burhanudin Al-Rawi, M Zaki Arif dan Jari Basurek. Beliau aktif menghidupkan beberapa blog di internet bagi menyemarakkan maklumat kegiatan dan kepengarangan penulis Perak menerusi blog seperti Sekondakhati, Tokoh Rao, Penulis Perak, Karyawan Pk, Penyuluh916, JapenPk., Bukitgantang59, Panglima Awang dan Kayacipta.

Kehadiran beberapa profesional dan penulis mapan bersama Karyawan Pk seperti Dr Muhammad Bukhari Lubis (UPSI), Prof Madya Dr. Talib Samat (UPSI), Prof Madya Othman Yatim (Pengarah Muzium Asia, Universiti Malaya), Dr. Wahid Kasran (bekas pengarang Sastera Mingguan Malaysia), Zahari Hasib (Allahyarham) dan Ijamala MN (kini menetap di Kuala Lumpur) memberi kekuatan Karyawan Pk. untuk berada sebaris dengan badan-badan penulis tersohor tanah air yang lain. Memegang prinsip melahirkan penulis seramai mungkin dengan motto “Selagi Menulis Tetap Menulis”, Karyawan Pk berjaya membesarkan nama-nama seperti Sabariah Bahari, Aminah Abdul Malik, Onn Abdullah, Al Hisyam, Chai Loon Guan, M Shah, Jamaludin Ahmad, Malina M, Yusaini Teriman, Che Su Deraman, Arif Mohamad, Rahmaniah Hj Kantan, Noriah Mohd.Sharif, Nordin Hj Abdullah, Hanifah Hj Ibrahim, Ruziah Jaafar, J Jamal, Ramli Daud (peneroka Felda), Mahyuddin Ibas, dan Tarmizi Selamat dan lain-lain. Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Bandaraya Ipoh, Perak (PINTAR), antara persatuan yang agak baru ditubuhkan. Persatuan ini tidak dibarisi oleh ramai kalangan pengarang kreatif, sebaliknya kalangan aktivis sastera. PINTAR diterajui oleh pengerusinya iaitu Man Sehak dan ketua dua ialah Harifuddin Kamarudin (Allahyarham), adalah seorang aktivis sosial dan penggiat seni budaya Perak yang aktif. Peranan PINTAR dalam membangunkan penulis tidak kesampaian kerana sekadar berkesempatan

berusaha memartabatkan semula perjuangan tokoh-tokoh pahlawan dan pembesar Perak khususnya Tengku Menteri Ngah Ibrahim (1836/1895), Nakhoda Muhammad Taib (pembuka daerah dan pemerintah kerajaan Melayu Kuala Sepit), Tun Saban (pengasas Kesultanan Perak) menerusi penjejakan bersama pensyarah UPSI, Prof Madya Dr Talib Samat. Harriffudin aktif mengadakan majlis pelancaran novel Tengku Menteri di Kompleks Sejarah Matang, Taiping, Perak 1 Julai 2004, mengadakan Kembara Meniti Arus Bahtera Bayu pada tahun yang sama, Seminar Memartabatkan Semula Tengku Menteri Ngah Ibrahim di Kompleks Sejarah Matang, Taiping (27 Ogos 2005), Seminar Mengantarabangsakan Tengku Menteri Ngah Ibrahim di Perpustakaan Lama, UPSI (31 Mac 2007), Seminar Memartabatkan Semula Kepahlawanan Nakhoda Muhammad Taib di Chalet de Idaman, Teluk Senangin, Lumut, Perak (24 Julai 2010), Menjejak Pengarang Novel Bahagia Sesudah Derita Cikgu Md. Akhir Leman dan Seminar Menjejak Warisan Tun Saban di Dewan Majlis Bandaran, Gerik, Perak (12 Mac 2011). Antara ahli PINTAR yang aktif berkarya dan membenteng kertas kerja ialah Abdullah Abdul Rahman (TabirAlam). Beliau menjadi ahli bersekutu PINTAR sejak tahun 2007 hingga kini.

Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN), gerakan memartabatkan kesusasteraan dan melahirkan penulis kreatif di negeri Perak juga disambut oleh Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN) yang ditubuhkan pada 23 Januari 2010 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim. Ia ditubuhkan oleh sebilangan pensyarah dan kakitangan bukan akademik yang bertugas di UPSI dan pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Prof Madya Dr Abdul Halim Ali dilantik sebagai presiden. Penyair, Abdul Halim Ali adalah Profesor Madya di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI. Mensyuarat penaja bagi menzahirkan penubuhan BUDIMAN dihadiri oleh Dr Azhar Abd Wahid, Ghazali Din, Prof Dr Mohammad Bukhari Lubis, Hasrina Baharum, Taj Rijal Mohamad Romli, Ariff Mohamad, Dr Hj Mohd Johari Abdul Hamid (meninggalkan UPSI sejak Oktober 2011 kerana menjawat jawatan Prof Madya di

Universiti Malaysia Sabah), Prof Dr Abdul Hamid Mahmud, Prof Madya Dr Talib Samat, Siti Noorisa Abd Khill, Armin Salleh, dan beberapa individu yang terdiri daripada kalangan pensyarah dan pelajar sarjana UPSI.

BUDIMAN seawal penubuhannya memulakan aktiviti dengan mengadakan majlis diskusi karya kreatif yang membincangkan novel karya ahlinya iaitu novel 'Kiblat Mawaddah' karya Hasrina Baharum, kumpulan puisi 'Merindu Alam' karya Ihsan Noorzali (Ghazali Din) dan 'Bebaskan Ekspresi' karya Ariff Mohamad. BUDIMAN mendapat kelulusan pendaftaran pada 2 Mac 2011 dengan nombor pendaftaran 0953-11-PRK. Mesyuarat Agung yang pertama BUDIMAN berlangsung pada 16 April 2011 di Bilik Mesyuarat Hamzah Fansuri, Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI. Pada mesyuarat itu, satu jawatankuasa baru dibentuk iaitu Prof. Madya Dr Hj Abdul Halim Ali (A. Halim Ali) dilantik sebagai Presiden, Prof. Madya Dr Azhar Hj Abd Wahid (Timbalan Presiden), Alizah Lambri (Setiuasaha), Ariff Mohamad (Penolong Setiausaha) dan Bendahari disandang oleh Ismail Man. Ahli Jawatankuasa terdiri daripada Prof Dr Mohamad Bukhari Lubis, Prof Madya Dr Abdul Rahman Napiah, Dr Hj, Mohd Johari Abdul Hamid, Dr Hj Naffi Mat (Naapie Mat), Ghazali Din (Ihsan Noorzali), Armin Salleh (Pegawai Perancang Bahasa DBP, bekas editor majalah Pelita Bahasa, kini editor majalah Dewan Ekonomi) serta Julita @Julietta Taisin. BUDIMAN lahir dengan tujuan menanam perasaan kasih, minat dan tanggungjawab dalam usaha mengembangkan kesusasteraan dan bahasa Melayu dalam kalangan ahlinya, masyarakat awam di Malaysia dan di luar Malaysia; memperjuangkan hak-hak ahlinya dan pengamal kesusasteraan dan bahasa Melayu dalam bidangnya ; membangunkan kesusasteraan dan bahasa Melayu sebagai asas pembinaan negara bangsa dan peradaban serta membimbing dan melatih ahli-ahli ke arah pengamalan kesusasteraan dan bahasa Melayu yang profesional.

Pada 2 hingga 3 Disember 2011, BUDIMAN mengambil langkah lebih jauh dengan menganjurkan Himpunan Ilmuwan Sastera Melayu Malaysia (HISMA) untuk pertama kalinya

bertemakan “Kesusasteraan Teras Kesarjanaan” di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, UPSI diadakan dengan kerjasama Fakulti Bahasa dan Komunikasi serta Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP). HISMA diadakan bertujuan menyuburkan idea dalam pembangunan dan kemajuan kesusasteraan Melayu dengan menjadikan UPSI sebagai pusat penataran ilmu kesusasteraan tanah air. HISMA pertama menampilkan pembentang kertas kerja seperti Penyandang Kursi Tun Abdul Ghaffar Baba UPSI, Profesor Datuk Dr Zainal Kling; Ketua Jabatan Kaedah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Zamri Mahamod dan Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Jelani Harun. Selain Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah, Mana Sikana serta pengasas teori Takmilah, Dr Shafie Abu Bakar. Dalam memperjuangkan subjek Kesusasteraan Melayu di sekolah, Abdul Halim Ali seta beberapa ahli jawatankuasa BUDIMAN mengunjungi Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi menyampaikan memorandum yang terhasil daripada penganjuran HISMA. BUDIMAN memberi sumbangan bermakna kepada perkembangan persatuan penulis di Perak. Ia dianggap satu kesinambungan kepada perjuangan melalui kreativiti ahlinya yang terdiri daripada kalangan sarjana, kakitangan akademik, guru serta kakitangan bukan akademik UPSI. Ia demi memikiran survival persatuan penulis di Perak yang kebanyakannya sudah `mati' lantaran terdapat usaha mengejar nama dan jawatan yang menjadi keutamaan daripada mencorak kepimpinan. Akhirnya beberapa persatuan penulis dan organisasi sastera lesu, senyap dan tidak mampu mendukung visi serta misi masing-masing.

Abdul Halim Ali, melihat persoalan kepimpinan persatuan atau organisasi sastera di Malaysia yang tidak aktif dan kurang sensitif terhadap perkembangan kesusasteraan tanah air bukan perkara baru. Suara sinis mengenai kelesuan pemimpin persatuan menangani isu dan persoalan hidup mati sastera tanah air kedengaran pada pelbagai peringkat seperti universiti, seminar dan forum akademik berkenaan bahasa dan sastera Melayu. Terdapat pandangan yang menyatakan pemimpin persatuan tidak berbuat

apa bagi membangunkan organisasi kerana hendak menjaga kepentingan diri dan takut kepada orang politik. Suara orang bawahan yang menggambarkan rasa tidak puas hati mereka terhadap kepimpinan tertinggi. Terkesan daripada situasi itu, Abdul Halim Ali memperkasakan sastera melalui BUDIMAN meskipun kelesuan melanda kebanyakan persatuan penulis di Perak sejak lebih 20 tahun kebelakangan ini. Aktiviti bersifat `tradisi' seperti bengkel penulisan, hadiah sastera, lawatan dan diskusi, perlu dimantapkan dengan perjuangan pembinaan peradaban bangsa melalui kesusasteraan.

Ternyata, kewujudan BUDIMAN memberi kesan kepada gerakan kesusasteraan di negeri Perak. BUDIMAN aktif menerbitkan buku karya ahli dan pelajar UPSI. Sehingga kini BUDIMAN berjaya menerbitkan lebih 10 buah buku antaranya antologi puisi seperti Unggun Kebahagiaan (2012), Simpanlah dalam ingatanmu (2012), Pilar-pilar Waiduri (2012) serta Api dan Air Mata Rohingya(2012).

BUDIMAN dianggap berjaya mencorakkan kegiatan dan suasana kesusasteraan di negeri Perak khususnya di gerbang selatan negeri Perak. Usaha barisan kepimpinan mengadakan aktiviti secara bersama dan kerjasama dengan DBP, Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI, serta lain-lain bahagian di UPSI selain agensi-agensi kerajaan berkaitan, berupaya menyegarkan suasana sastera di Perak. Walaupun operasi BUDIMAN dalam persekitaran kampus Sultan Abdul Jalil Shah, namun kebanyakan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan bertaraf nasional. Penglibatan sarjana dan ahli akademik dalam persatuan ini memberi kekuatan dan senario yang dianggap berupaya mengukuhkan kedudukannya untuk berdiri sebagai sebuah organisasi sastera yang dilihat penting bermula tahun 2010 ketika ditubuhkan.

KESIMPULAN

Pengkaji mendapati persatuan-persatuan penulis yang ada di negeri Perak kini tidak lagi seperti sekitar 1960-an hingga tahun 1980-an yang kebanyakannya begitu aktif dan seolah-olah terdapat

persaingan sesama mereka dalam merancang dan melaksanakan kegiatan. Peranan persatuan penulis dalam membangunkan sastera dan dunia penulisan ternyata signifikan dengan persatuan-persatuan yang ditubuhkan. Masing-masing berusaha dan berjaya memberi sumbangan yang besar dalam peta perkembangan sastera di Perak.

Namun, zaman kegemilangan dan kemeriahan bersastera persatuan penulis Perak seperti dahulu sukar berulang. Kebanyakan penulis-penulis Perak yang aktif pada era 1960-an hingga 1980-an itu tidak lagi muncul dengan barisan kepimpinan baharu. Kebanyakan daerah sudah tiada persatuan penulis kecuali Karyawan Pk yang mewujudkan sudut di beberapa daerah melalui ahli jawatankuasanya. Kajian ini berjaya mengesan sebanyak 16 persatuan penulis mendapati didapati dan dapat dikategorikan persatuan-persatuan penulis yang wujud di negeri Perak iaitu:

- i. Lembaga Pembangun Sastera Perak (LEPAS), Kuala Kangsar- kurang aktif
- ii. Persatuan Penulisan dan Peminat Sastera Daerah Kerian(PERENTAS)– kurang aktif
- iii. Ikatan Persatuan Penulis Perak (IPPP)–tidak wujud lagi
- iv. Persatuan Penulis Daerah Batang Pedang (PEDANG)- tidak wujud lagi
- v. Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Daerah Kinta (PESAKA)- tidak wujud lagi
- vi. Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Perak (PENTAS)- kurang aktif
- vii. Persatuan Penulis dan Kesenian Daerah Parit(PESEDAR) – tidak wujud lagi
- viii. Persatuan Penulis Daerah Manjung (PEDOMAN)-tidak wujud lagi
- ix. Persatuan Penulis Islam Perak – Tidak sempat didaftar
- x. Persatuan Karyawan Perak (Karyawan Pk)- sangat aktif
- xi. Persatuan Peminat Sastera dan Budaya Bandaraya Ipoh(PINTAR)- aktif
- xii. Grupemuisi Sitiawan – Tidak wujud lagi
- xiii. Angkatan Penulis Pengkalan Hulu (ASPEK) - tidak wujud lagi

- xi. Gabungan Sasterawan Sedar II (Gatra II)- tidak wujud lagi
- xii. Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Gopeng(PESEGAR) – tidak wujud lagi
- xiii. Perkumpulan Tenaga Utama (PERTAMA) – tidak wujud lagi
- xiv. Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN)-sangat aktif.

PERENTAS, LEPAS, Karyawan Pk serta PINTAR adalah antara beberapa persatuan penulis yang masih mampu bertahan dan aktif. Walau pun begitu, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan penulis berkenaan sudah berkurangan. Kajian mendapati daripada empat persatuan penulis itu, Karyawan Pk adalah persatuan paling aktif dan menyerlah sejak ditubuhkan sehingga kini (2013). Namun akhir-akhir ini, PERENTAS dan LEPAS tidak menerbitkan buku walaupun persatuan masih wujud. Mutakhir ini, gerakan sastera di negeri Perak, perlu melihat sumbangan Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN) pimpinan Prof Madya Dr Abdul Halim Ali yang ditubuhkan pada tahun 2010 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim. Ini memberi satu petanda dan pewajahan baharu bahawa terdapat usaha memulihkan kerancakan bersastera di negeri Perak bersama persatuan yang masih dianggap aktif seperti Karyawan Pk serta LEPAS dan PERENTAS yang kedua-duanya bernaung di bawah Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) serta sebuah lagi persatuan yang aktif ialah Persatuan Peminat Sastera dan Budaya Bandaraya Ipoh(PINTAR). Perkembangan ini memberi isyarat bahawa perkembangan sastera di Perak semakin menyerlah berbanding sesetengah negeri yang dilihat kurang memberangsangkan akhir-akhir ini.

Persatuan penulis perlu meletakkan agenda penerbitan buku sebagai penting kerana melalui penerbitan buku-buku itu nanti, ia menandakan kewujudan penulis-penulis di daerah atau persatuan masih aktif. Langkah Karyawan Pk menerbitkan buku *Imbasan* (2011) sebagai usaha mendokumentasikan sejarah perkembangan persatuan itu dianggap usaha menarik.

Apa yang berlaku beberapa tahun-tahun kebelakangan ini, dunia penulisan kreatif oleh penulis-penulis Perak tidak lagi secemerlang dahulu. Kebanyakannya memilih untuk mendiamkan diri dan membawa diri masing-masing seakan sudah bersara menulis. Ia begitu berbeza dengan apa yang berlaku dalam tahun-tahun 1960an, 1970-an dan 1980-an dulu iaitu tiga dekad yang dianggap cemerlang dalam dunia penulisan Perak.

Pada dekad-dekad berkenaan semua persatuan penulis di Perak aktif mengadakan kursus, bengkel atau pun ceramah mengenai penulisan. Tokoh-tokoh sastera yang berwibawa serta editor-editor sastera di akhbar arus perdana dan majalah terkenal dijemput memberi bimbingan/mengendalikan bengkel atau kursus itu. Kesannya, Perak berjaya melahirkan ramai penulis berbakat besar seperti Baharuddin Kahar, Jaafar Abdul Rahim, Zahari Hasib (Allahyarham), Raja Sabaruddin Abdullah, Prof Dr Bukhari Lubis (Rizi S.S), Abdullah Sani Yahya (Lahsani), Pena Mutiara, Najmi, Zakaria Salleh, S. Hamisal, Baharin Ramly, Jaffri B. N., M. Salleh Mahyat, Mishar, Azdi, Azimad Mahmud, Zabidin Hj Ismail, Aiel Khadijah, Malim Ghozali Pk, Ramli Daud, Ahmad Mahmud, Zainal Abbas (Kasajiza A. S.) dan Mohd Hadri Talib dan ramai lagi. Menjelang dekad 80-an dan awal tahun 1990-an beberapa orang lagi penulis muncul mula Raja Yusoff Arifin, Ijamala M. N. Al Hisham, Norza, M. Shah, Nordin Haji Abdullah, J.Jamal, Chai Loon Guan, Sabariah Bahari, Jamaluddin Ahmad, A. Wahab Hamzah, Jaafar Abdul Rahim, Onn Abdullah dan Amirul Fakir (Allahyarham).

Kelesuan dan kemuraman yang melanda dunia sastera dan penulisan di Perak kini digerakkan oleh tenaga-tenaga pengajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris melalui BUDIMAN yang saling bekerjasama dengan Karyawan Pk. Sejak tahun 2010, setiap tahun Kerajaan Negeri Perak melalui Institut Darul Ridzuan (IDR) dan Yayasan Kampung Karyawan Malim (YKKM) menjayakan Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa Pangkor. Festival ini digerakkan oleh Malim Ghozali seorang Felo Penyelidik di IDR. Dengan berkumpul dan bertemu penulis-penulis Perak dari empat dekad ini, maka akan lahir semangat baru, fikiran baru dan azam baru dalam dunia penulisan. Penulis-penulis muda akan dapat

bertukar- tukar fikiran dan idea dengan penulis-penulis mapan Perak yang kaya dengan pengalaman seperti Suhaimi Haji Muhammad, Hassan Ali, Baha Zain, Mana Sikana UPSI), dan Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh, anak kelahiran Taiping, Perak.

Kajian mendapati antara faktor yang mendominasi ke arah kegerhanaan aktiviti persatuan penulis antaranya adalah kerana tenaga penggerak berkurangan, perpindahan barisan kepimpinan demi tugas hakiki, kepimpinan mengubah fokus persatuan kepada politik, serta faktor usia penggerak yang menghalangnya melaksanakan aktiviti. Penulis-penulis yang menganggotai persatuan kerap bertukar atau berpindah persatuan menyebabkan mereka meninggalkan persatuan yang pernah disertai dan kehilangan pemimpin.

Perak mampu menjadi negeri yang hebat gerakan kesusasteraannya jika semua persatuan yang pernah wujud dihidupkan semula dan lebih ramai lagi penulis muda dapat dilahirkan melalui persatuan. Dalam akhbar dan majalah hari ini terdapat ramai penulis kelahiran Perak yang karya mereka tersiar, tetapi kebanyakannya tidak bernaung di bawah mana-mana persatuan.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri memberi sokongan padu kepada kegiatan kesusasteraan di negeri Perak dalam bentuk penganugerahan sebagai pengiktirafan dan merangsang pertumbuhan pengarang. Pada tahun 1987, penyair prolific, Suhaimi Hj Muhammad dinobatkan penerima Anugerah Sasterawan Perak dan Mana Sikana menerima anugerah berkenaan pada tahun 2004. Mana Sikana adalah ahli jawatankuasa BUDIMAN Malaysia dan berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Anugerah itu disampaikan kepadanya oleh Sultan Perak, Raja Azlan Shah pada 23 Jun 2004. Mana Sikana pernah menghasilkan karya kreatif dalam genre menghasilkan buku-buku berkaitan teori kesusasteraan dan beliau sendiri menjana teori iaitu Teori Teksdealisme dan Ta' budiyah. Kajian ini menyarankan agar persatuan-persatuan penulis di negeri

Perak di kawasan-kawasan masing-masing perlu digerakkan semula atau disatukan di bawah satu persatuan iaitu Karyawan Pk yang membawa suara penulis Perak secara holistik. Sokongan padu Kerajaan Negeri Perak yang diterajui Menteri Besar, Dato' Seri Zambry Abdul Kadir adalah peluang yang terbentang untuk semua persatuan yang masih aktif atau kurang aktif mencambahkan aktiviti mereka.

Kelesuan dan kemuraman yang melanda dunia sastera dan penulisan di Perak hari ini pasti mendapat pencerahan semula sekiranya seluruh penulis Perak bangkit bersatu di bawah hanya satu persatuan penulis sahaja iaitu Karyawan Pk. yang dilihat berwibawa pada hari ini berbanding yang lain. Pengukuhan jaringan oleh semua penulis Perak perlu dilakukan atas dasar untuk melihat Perak menjadi negeri gigih berusaha melakukan satu anjakan sastera yang dalam skop yang lebih luas serta merentasi sempadan. Semangat baru, fikiran baru dan azam baru dalam dunia penulisan akan menjelma jika semua penulis memperkayakan pengalaman seperti anak jati kelahiran Perak Suhaimi Haji Muhammad, Baha Zain, Mana Sikana, dan Muhammad Haji Salleh yang sudah mencapai tahap keunggulan dalam penghasilan karya mereka.

RUJUKAN

- Ahmad Kamal Abdullah, Zaiton Ajmain (peny). (1997). *Jambak 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Kuala Lumpur.
- Hassan Baseri Budiman & Osman Ayob. (1999). Perkembangan Penulis-penulis Mutakhir Di Wilayah Utara Semenanjung/Malaysia. *Kertas Kerja*. Dialog Utara VIII , 1-4 Disember 1999.
- Hashim Ismail. (2010). *Kesusasteraan Melayu Moden 1980- 1989*. (peny.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Li Chuan Siu. (1980). *Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru 1830-1945*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Muhammad Bukhari Lubis, Al Hisyam, M. Shah, Noriah Mohd Sharif dan Zainab Ghah, (2002). *Khazanah Karyawan Pk*. Teluk Intan: Persatuan Karyawan Perak (Karyawan Pk)

Talib Samat. (1991). *Potret Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.